

SULIT

NAMA :

TINGKATAN :

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 jam 30 minit



MODUL ULANG KAJI BERFOKUS BM 2 SPM 2021 (SET 2)

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **sembilan** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

SOALAN 1 : MORFOLOGI

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata kerja**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Salah satu bahasa utama di dunia ialah bahasa Melayu. Bahasa Melayu membentuk jati diri, semangat kekitaan, integrasi dan maruah penuturnya. Bahasa Melayu juga merupakan cerminan kesopanan budi dan adab bangsa Melayu. Dianggarkan hingga kini, terdapat lebih daripada 300 juta orang penutur bahasa Melayu di seluruh dunia. Bukanlah sesuatu yang mustahil untuk memartabatkan bahasa Melayu jika semua penuturnya ada tekad yang tinggi terhadap pemeraksanaan bahasa ini. Oleh itu, kita perlu menguasai penggunaan bahasa Melayu dalam negara sendiri sebelum mengangkat bahasa tersebut ke persada antarabangsa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa Itu Jiwa Bangsa'
Oleh Fatimah Ahmad
Dewan Bahasa, Ogos 2021

[6 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

*Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi **tiga ayat** yang anda pilih seperti yang berikut:*

Subjek : _____

Predikat : _____

Malaysia merupakan antara penyumbang kepada peningkatan jumlah sisa plastik di dunia. Sifat plastik yang tahan lama dan mudah didapati menjadikan plastik pilihan utama dalam sektor industri. Peningkatan pengeluaran plastik dunia disebabkan permintaan yang tinggi dalam penggunaan bahan tersebut telah mencetuskan fenomena mikroplastik. Ada hidupan laut yang mati akibat terperangkap dalam sisa plastik. Hidupan laut yang tercemar memberikan kesan serius dalam sistem pencernaan manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Mikroplastik Ancam Kita dan Hidupan Marin'
Oleh Mazni Mat Zin, Dewan Kosmik, Ogos 2021

[6 markah]

SOALAN 3: PENYUNTINGAN

Petikan 1 dan petikan 2 di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan enam kesalahan bahasa dalam petikan 1 dan lima kesalahan bahasa dalam petikan 2. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.


Petikan 1

Pengaruh media sosial begitu tinggi kepada masyarakat terutamanya generasi muda. Setengah remaja begitu taksud dengan kemudahan Internet sehingga membawa impak seperti masalah siber buli dan ketagihan peranti elektronik. Ibu bapa perlu memainkan peranan penting di dalam menangani masalah ini. Ibu bapa hendaklah menghadkan masa anak-anak melayari media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter. Tindakan ini dapat membentuk sifat menghargai masa dan mengelak implikasi negatif media sosial dalam diri anak-anak.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Berhemahlah dalam Bermedia Sosial’
Oleh Athma Zubir
Dewan Siswa, November 2020

[6 markah]

Petikan 2

	KEDAI BUKU PUSTAKA ILMU
<p><i>Kedai Buku Pustaka Ilmu mempelawa warga negara Malaysia yang berkeelayakkan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk memohon jawatan seperti berikut:</i></p>	
Tahap perkhidmatan: Kontrak	<p>CARA MEMOHON</p> <p>Pemohon yang menguasai syarat ditetapkan dan berminat boleh menghantar resume dan dokumen diperlukan ke alamat berikut:</p> <p>Pengurus, Kedai Buku Pustaka Ilmu Sdn. Bhd. Persiaran Indahpura, 81000 Kulai, Johor. Atau melalui e-mail: kbpustakailmu@gmail.com</p>
Jawatan: Pembantu Pemasaran	
Syarat lantikan: Pemohon memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga atau kelulusan yang kerajaan iktiraf.	
Tarikh tutup permohonan pada 30 Ogos 2021.	
<p>MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI: Tel: 07-6636789</p>	

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://mobile.twitter.com/DBPMalaysia>
Ogos 2021

[5 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.

Setelah hari siang maka Bendahara pun gemparlah mengatakan kecurian.

Dipetik daripada
Kepimpinan Melalui Teladan
dalam Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SOALAN 5: PERIBAHASA

*Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **tiga** peribahasa sahaja, kemudian berikan **maksud** peribahasa tersebut.*

Nazirah : Saya sangat sedih apabila memperoleh keputusan peperiksaan yang lepas. Saya gagal dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Prinsip Perakaunan. Sudah pasti perasaan ibu bapa saya bagai kaca terhempas ke batu apabila mengetahui keputusan ini.

Izzati : Janganlah terlalu sedih kerana awak masih ada peluang untuk memperbaiki kesilapan yang lalu. Awak perlu berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai kejayaan kerana kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

Nazirah : Terima kasih Izzati atas nasihat ini. Saya akan berusaha bersungguh-sungguh kerana belakang parang kalau diasah lagikan tajam. Saya yakin dapat memperoleh kejayaan yang cemerlang. Kegagalan yang lepas akan saya jadikan pengajaran agar pisang tidak berbuah dua kali.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**[35 Markah]****SOALAN 6: PETIKAN UMUM**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pendidikan sejarah berperanan sebagai alat penting bagi memupuk perpaduan pelbagai kaum dan membina masyarakat merdeka yang bersatu padu. Slogan negara bangsa merupakan usaha menjadikan diri sebagai rakyat yang berkongsi negara dan impian yang sama dalam mendukung agenda perpaduan serta membolehkan rakyat Malaysia berbilang bangsa dan agama hidup bersama-sama dalam suasana harmoni. Pada masa yang sama konsep negara bangsa juga mengekalkan identiti dan ciri bangsa masing-masing.

Usaha ini dapat merealisasikan hasrat rakyat yang komited dalam memahami falsafah kesederhanaan dan penerimaan masyarakat majmuk. Rakyat perlu menghormati kepelbagaian agama sebagai asas perpaduan kaum. Selain itu, sikap perkauman dan ketaksuban agama, sama sekali tidak boleh diterima dalam negara berbilang bangsa. Kerajaan perlu mengambil lebih banyak usaha untuk membendung isu perkauman daripada tidak dapat dikawal pada masa depan. Antaranya, memperkenalkan Akta Keharmonian Nasional atau Akta Perhubungan Kaum.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Rencana Perpaduan Tulang Belakang Negara'
oleh Lim Kok Weng
Utusan Malaysia, 29 Ogos 2020.

Bahan 2

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang bangsa, bahasa, budaya dan agama. Sejak merdeka, kita telah hidup bersama-sama dan bersaudara sebagai rakyat Malaysia. Oleh itu, perpaduan dalam kalangan rakyat sangat penting dan menjadi kunci kejayaan Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus melaksanakan tanggungjawab untuk mempertahankan perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini. Di samping itu, keharmonian kaum dan toleransi beragama pada setiap peringkat harus terus diperkukuh.

[Lihat halaman sebelah

Sikap perkauman dan apa-apa juga bentuk polarisasi yang lain merupakan halangan terbesar kepada perpaduan negara. Dengan wujudnya perpaduan kaum, maka kerajaan akan dapat melaksanakan *pelbagai dasar* dan program pembangunan demi kesejahteraan rakyat. Dengan kata lain, perpaduan kaum menjadi tonggak utama untuk Malaysia mencapai status negara maju, selain memacu kepesatan pembangunan ekonomi dan membina tamadun yang gemilang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Saya Sayang Malaysia'
oleh Samat Buang,
Dewan Siswa bil 8 2020.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *pelbagai dasar*.

[2 markah]

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan cara-cara yang perlu dilakukan oleh rakyat Malaysia untuk memastikan perpaduan dapat dikekalkan?

[3 markah]

- (iii) Media berperanan melahirkan rakyat Malaysia yang mengamalkan budaya positif dalam bermasyarakat seperti hidup bersama-sama, bantu-membantu dan menghormati antara satu sama lain.

Pada pendapat anda bagaimanakah pihak media dapat memainkan peranan dalam mempupuk amalan tersebut?

[3 markah]

- (iv) Jawatankuasa Persatuan Penduduk di tempat tinggal anda kerap kali mengadakan aktiviti kejiranan, namun orang ramai tidak berminat untuk turut serta dalam aktiviti tersebut. Orang ramai yang hadir juga sukar memberikan kerjasama dalam menjayakan aktiviti yang dijalankan.

Andaikan anda ahli jawatankuasa persatuan penduduk, nyatakan pendekatan-pendekatan yang dapat dilakukan oleh persatuan anda untuk memastikan orang ramai memberikan sambutan terhadap setiap aktiviti yang dijalankan.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**HARI TERAKHIR SEBUAH HUTAN**

Maut tiba di hujung gigi gergaji
dengan duri jerit yang menyerampang angkasa dan matahari
membenam ke inti isi kayu
yang tersentak oleh sakit dan bising asing
duniannya memulas kebiasaan, aneh seperti pitam
getah mengalir, zatnya meniadakan waja
tergetar perdu dan akar pendiri
di puncaknya burung masih berterbangan
udara diharumkan wangian sehuman
langit bersaksi dengan mata bening.

Runtuhlah sekeluarga pohon yang berusiakan kurun
yang indah dan yang besar dalam bayang
setelah berkampung sejuta tahun
di lembah daun dan sungai hujan.

dipetik dan disunting daripada sajak
MUHAMMAD HAJI SALLEH
Pilhan sajak sekolah menengah

Bahan 2**ALAMKU MUSNAH**

Demi masa yang berubah lalu,
Deru anginku musnah berdebu,
Alunan ombakku berwarna seluas segara,
Hanyut kotoran serata pantai teluk nusa,
Kuala dan sungai dicemari kumbahan,
Nagis sampah sarap di celah segala tumpahan.

Akulah belantara itu di hulu negeri,
Dibakar terbakar sepi,
Lagu gurindam alamku berirama negeri,
Nyanyi burung gembira sekampung telah hilang pergi,
Ditelan hanyir udara yang dihidu,
Debu racun terapai-apai di ruang berjerebu
Dingin malam panasnya sampai ke siang,
Gurindam alamku musnah,
Di tangan diri yang kononnya khalifah.

Dipetik dan disunting daripada gurindam
A. AZIZ DERAMAN
Pilhan Sajak Sekolah Menengah

Bahan 3

Dalam seketika sahaja hutan dara itu telah ternoda. Kini, hutan itu telanjang polos, sedangkan selama ini busana hijau yang menutupinya. Segala-galanya sirna dalam sekelip mata. Yang tinggal hanyalah serpihan kayu dan tunggul-tunggul mati. Perasaan kesal telah menggores dada Pak Tua. Matanya berkaca-kaca. Beribu-ribu dan mungkin berjuta-juta iklim alam mengambil masa menenun busana hijau untuk bumi. Tetapi dalam sekelip mata jentolak yang dipandu oleh Pak Tua telah merobek dan mengoyak habis busana rimba. Sesal Pak Tua semakin melebat. Pak Tua cuba meraih kembali ingatannya sewaktu 30 tahun yang lalu. Jemari tangannya terketar-ketar mengurut kerut di dahinya yang menyimpan memori yang begitu banyak. Setitis dua air mengalir di sudut kelopak matanya.

“Aku ingin kawasan hutan ini *kembali rimbun*.” Kata Pak Tua sendirian sambil memejamkan mata.

Dipetik daripada cerpen ‘Hutan Rimba’
Oleh Sasjira
Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 3**, berikan maksud *kembali rimbun*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan kemusnahan alam sekitar akibat aktiviti yang dilakukan oleh manusia. [4 markah]
- (iii) Aktiviti pembalakan dan penerokaan hutan telah menyebabkan berlakunya kejadian banjir lumpur, tanah runtuh dan fenomena kepala air .

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani masalah tersebut? [3 markah]

- (iv) Kawasan tempat tinggal anda telah dicemari dengan sampah yang dibuang merata-rata sehingga ada yang membuang sampah ke dalam longkang berhampiran kawasan perumahan. Keadaan ini bertambah rumit kerana syarikat pembersihan juga tidak dapat menguruskan pengambilan sampah mengikut jadual yang ditetapkan pada setiap minggu.

Sebagai ketua masyarakat yang prihatin, nyatakan tindakan-tindakan yang akan anda ambil untuk menyelesaikan masalah tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SOALAN 8 : NOVEL

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Mereka berjalan melalui satu lorong yang agak sempit. Di kanannya dinding konkrit, manakala di sebelah kiri pula ialah dinding kaca lutsinar yang membolehkan Farisha melihat deretan ruang kerja beberapa puluh orang pekerja Soft Lab yang sedang tekun dengan tugas masing-masing.

“Di sebelah kiri ini ialah jabatan pembangunan perisian,” terang Aqram apabila dia melihat Farisha meninjau-ninjau.

“Wow, ramai juga ya!” kata Farisha, kagum.

Mereka berdua tiba di hadapan sebuah pintu kecil yang memerlukan imbasan retina dan juga jari. Pintu itu tidak diletakkan sebarang tanda.

“Kita akan memasuki pusat dua dari pintu belakang,” kata Aqram apabila dia terlihat wajah Farisha seperti sedikit keliru.

“Oh, maafkan saya! Saya ingatkan pintu tandas tadi. Hairan pula sebab ada pengimbas diletakkan di sini, balas Farisha yang hampir tertawa apabila memikirkan kebodohnya.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*
Karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan ciri-ciri keselamatan di Soft Lab.

[4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Disebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaimi Matdarin
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- e) Songket Bebenang Emas, karya Khairudin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda kaji, huraikan satu peristiwa bagi setiap novel yang menyentuh perasaan anda.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN**[30 markah]****SOALAN 9: RUMUSAN**

*Baca petikan dan grafik di bawah dengan teliti, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan sajak..*

Bahan 1

Secara umumnya, sukan elektronik atau e-sukan merupakan satu jenis sukan yang menggunakan medium elektronik iaitu permainan video untuk bersaing dengan individu lain secara dalam talian. Kini, bidang sukan elektronik atau e-sukan telah menjadi fenomena dalam kalangan masyarakat dunia, terutamanya golongan remaja. Penglibatan golongan remaja dalam e-sukan sememangnya mampu mengelakkan diri daripada terlibat dengan aktiviti negatif seperti melepak, ponteng sekolah dan masalah sosial. Dalam hal ini, ibu bapa seharusnya tidak menghalang anak-anak mereka menjadikan e-sukan sebagai wadah untuk beriadah di alam maya.


Dalam konteks lain, terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa individu yang terlibat secara langsung dalam arena e-sukan mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah dan berfikir secara kreatif. Bagi mereka yang sudah biasa bermain permainan video, pastinya mereka perlu berhadapan dengan pelbagai pilihan yang berbeza-beza untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam memenuhi matlamat permainan video tersebut. Hal ini secara tidak langsung berupaya menyemai sikap berdaya saing dan tidak putus asa dalam kalangan pemainnya. Remaja juga boleh menjadikan e-sukan sebagai suatu kerjaya kerana bidang e-sukan sangat pesat perkembangannya. Seseorang itu tidak hanya boleh menjadi pemain, malah mereka boleh berkembang sebagai jurulatih atau bekerja di belakang tabir.

Bagi memajukan bidang e-sukan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah membangunkan hab e-sukan yang bakal menjadi lokasi utama dan pusat latihan kontinjen Malaysia yang bertanding dalam pelbagai kejohanan di peringkat antarabangsa. Setiap penganjuran e-sukan di peringkat antarabangsa telah mula mendapat pengiktirafan Majlis Olimpik Antarabangsa sejak tahun 2017 lagi. Pihak kerajaan seharusnya memberi sokongan sepenuhnya terhadap penganjuran e-sukan di semua peringkat kerana penganjuran seperti ini membantu melahirkan lebih ramai atlet ruang maya. Kemajuan yang pesat dalam bidang e-sukan ini turut membuka ruang yang luas terhadap pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terutamanya berkaitan pembangunan perisian dan permainan digital. Sesungguhnya, perkembangan pesat bidang e-sukan ini menjadi platform terbaik untuk memacu negara ke arah yang lebih maju dalam mengharungi Revolusi Industri 4.0 yang berteraskan teknologi.

[Lihat halaman sebelah

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Manfaat e-Sukan Terhadap Remaja’
 oleh M. Farhan Zaman
 Dewan Siswa, Bil.3 2019

Bahan 2



Diubah suai daripada
 ‘Portal Permainan Video dan Sukan Elektronik Malaysia’

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT